

# Kritikan Dr M tak jejas pelaburan asing: Najib

BA-2816/2006

## Umno tidak pernah bincang langkah pecat bekas Presiden

Oleh Abdul Halim Yusoff

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap kerajaan dan kepemimpinan Perdana Menteri tidak akan menjejaskan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pelabur asing menyedari hakikat bahawa Malaysia di bawah kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah sebuah negara stabil dan mendapat sokongan padu rakyat.


Sehubungan itu katanya, kerajaan terus memberikan penjelasan kepada rakyat mengenai semua isu yang dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri itu bagi memastikan tidak timbul kekeliruan.

Satu-satunya keputusan yang diambil Umno ialah memberi penjelasan kepada rakyat mengenai dakwaan Dr Mahathir berkaitan isu dibangkitkan.

"Penjelasan itu akan dilakukan dengan cara yang betul kerana ia bukan hanya untuk Dr Mahathir saja, malah kepada seluruh rakyat supaya mereka yakin kerajaan membuat keputusan yang tepat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada kritikan Dr Mahathir terhadap kerajaan dan Abdullah boleh menjejaskan keyakinan pelabur asing, selepas merasmikan pembukaan Forum Keselamatan Dunia di sini, semalam.

Ditanya mengenai dakwaan Dr Mahathir bahawa Umno sedang melak-



**TARIK PERHATIAN:** Najib melihat majalah bSecure sambil di perhatikan Pengarah Urusan International Center for Security Management Sdn Bhd (ICSM), Anand Pon (kiri) dan Pengerusi ICSM, Tan Sri Razali Ismail selepas merasmikan Forum Keselamatan Dunia, di Kuala Lumpur, semalam.

sanakan pelbagai langkah untuk mewujudkan kebencian terhadapnya supaya beliau boleh dipecat daripada parti itu, Najib berkata, perkara itu tidak benar.

"Umno tidak pernah berbincang mengenai langkah memecat Dr Mahathir kerana mengkritik kerajaan," katanya.

Ditanya adakah Dr Mahathir tidak boleh dipecat dari Umno kerana belum melanggar perlembagaan parti,

Najib berkata, beliau tidak mengetahuinya dan Umno tidak pernah berbincang mengenainya.

Menjawab soalan sama ada beliau sependapat dengan kenyataan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, yang mengumumkan perang dengan Dr Mahathir, beliau berkata: "Setiap orang berhak mengemukakan pendapat sendiri."

Mengenai Wawasan 2020, Najib

berkata, sasaran kerajaan adalah untuk terus mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak enam peratus setahun bagi membolehkan Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020.

"Selagi Malaysia mengekalkan pertumbuhan KDNK enam peratus setahun dalam tempoh 15 tahun akan datang, kita akan mencapai status negara maju menjelang 2020," katanya.